

**GARIS PANDUAN KEBENARAN PDA 1 –
MENGUSAHKAN STESEN MINYAK/ STESEN MINYAK MINI/ PORTABLE
CONTAINER SYSTEM (PCS)/ SKID TANK/ FLOATING BARGE**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara permohonan Kebenaran PDA bagi aktiviti mengusahakan Stesen Minyak/ Stesen Minyak Mini/ *Portable Container Systems* (PCS)/ *Skid Tank*/ *Floating Barge* di Malaysia.

2.0 TAFSIRAN

2.1. Stesen Minyak/ Stesen Minyak Mini/ *Portable Container System* (PCS)/ *Skid Tank*

- Stesen Minyak: sebuah kemudahan yang menjual bahan api dan pelincir untuk kenderaan bermotor.
- Stesen Minyak Mini: stesen minyak dalam skala yang kecil dari segi modal, tapak perniagaan dan beroperasi di kawasan-kawasan luar bandar atau pedalaman bagi kemudahan penduduk luar bandar dan juga mendapatkan bekalan bahan petroleum daripada syarikat pembekal minyak mengikut zon kawasan operasi syarikat pembekal yang telah ditetapkan Kerajaan.
- *Portable Container System* (PCS): stesen minyak mudah alih bagi pembekalan bahan petroleum secara sementara yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang dibenarkan oleh Kerajaan.
- *Skid Tank*: tangki yang mengandungi bahan petroleum diletakkan di atas tanah atau di atas sebarang platform.

2.2. Bumiputera

- Bumiputera ialah penduduk asal sesuatu tempat.
- Menurut Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan, perlembagaan memberikan hak-hak istimewa kepada orang Melayu dan Bumiputera.

2.3. Modal Berbayar

- modal yang telah dibayar oleh pemegang saham syarikat.

2.4. Modal Kerja

- modal yang dikeluarkan bagi membiayai belian tunai.

2.5. Syarikat Pembekal Bagi Stesen Minyak

- Syarikat Pembekal Utama di bawah jenama:

- i) Petronas
- ii) Shell
- iii) Petron
- iv) Caltex
- v) BHPetrol
- vi) Xcel

- Syarikat Minyak Mini di bawah jenama :

- i) Buraqoil
- ii) Smart
- iii) Teguh

2.6. *Company Owned, Dealer Operated (CODO)* :

- stesen yang dimiliki oleh syarikat pembekal minyak dan diusahakan oleh pengusaha yang dilantik oleh syarikat pembekal minyak.

2.7. *Dealer Owned, Dealer Operated (DODO) :*

- stesen yang dibiayai dan dimiliki sepenuhnya oleh individu atau syarikat yang mengusahakan stesen minyak tersebut.

2.8. Generasi Kedua

- anak kandung kepada pengusaha sedia ada stesen minyak tersebut dan dibenarkan untuk pengecualian syarat ekuiti Bumiputera bagi permohonan ambil alih stesen minyak tersebut.

2.9. Naik taraf pemilikan stesen dan penempatan semula (ambil alih):

- pengusaha yang ditawarkan syarikat pembekal minyak secara CODO untuk mengambil alih stesen minyak lain atau mengusahakan stesen minyak baharu.

2.10. Akauntan bertauliah yang berlesen :

- Akauntan yang terlatih yang menjadi ahli persatuan akauntan profesional yang diiktiraf Kerajaan.

2.11. Stesen Minyak Bergerak :

- kaedah penjualan minyak secara runcit menggunakan lori tangki berdasarkan permintaan di mana bahan petroleum dihantar secara terus kepada pelanggan.

2.12. Kawasan Luar Bandar :

- kawasan yang berada di luar daripada kawasan bandar seperti yang telah ditakrifkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan kawasan yang berada di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- kampung dalam kawasan bandar (PBT) yang mempunyai penduduk kurang dari 10,000 orang tetapi di luar daripada

kawasan operasi PBT adalah termasuk di dalam definisi luar bandar; dan

- kawasan luar bandar juga termasuk kawasan penempatan peneroka, estet dan kampung baru yang terletak di luar kawasan operasi PBT.

2.13. *Babysit:*

- syarikat minyak boleh melantik pengusaha terdekat untuk mengoperasikan stesen minyak yang terjejas akibat kematian pengusaha, penamatan perjanjian *dealership* atau serah semula stesen minyak, secara bertempoh tertakluk kepada Kelulusan Kerajaan.

3.0 SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN BAHARU

3.1. Syarat –syarat am adalah seperti jadual di bawah:

Syarat	Stesen Minyak Berjenama Penuh	Stesen Minyak Mini	Portable Container System (PCS)	Skid Tank
Minimum Modal Berbayar (Sdn. Bhd)	RM 200,000	RM 50,000	RM 50,000	N/A
Minimum Modal Kerja (Milikan Tunggal/ Perkongsian/ Pertubuhan/ Koperasi) <i>*seperti amaun yang tertera di dalam penyata akaun bank syarikat</i>	RM 200,000	RM 50,000	RM 50,000	RM 50,000
Jenis Pemilikan	<u>CODO</u> 1. Milikan Tunggal : 100% dimiliki oleh Bumiputera 2. Perkongsian/ Sendirian Berhad: - minimum pegangan ekuiti 30% Bumiputera. <u>DODO</u> - tidak tertakluk kepada pegangan ekuiti Bumiputera			

Ekuiti Asing	TIDAK DIBENARKAN
Tempoh Kelulusan (Maksimum)	Tiga (3) tahun (tertakluk kepada pertimbangan Kementerian)

- 3.2. Bagi permohonan ambil alih **stesen minyak oleh generasi kedua** secara CODO, permohonan tersebut **DIKECUALIKAN** daripada keperluan ekuiti Bumiputera.
- 3.3. Bagi pengusaha yang ditawarkan untuk mengambil alih stesen minyak lain (CODO), di mana stesen minyak tersebut merupakan stesen minyak kedua dan seterusnya bagi pengusaha tersebut, **permohonan berkenaan perlu mematuhi syarat 30% ekuiti Bumiputera** dan mendapat sokongan daripada syarikat minyak.
- 3.4. Permohonan untuk mengusahakan *skid tank* hanya dibenarkan bagi pembekalan bahan petroleum di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).**
- 3.5. Permohonan secara bertulis bagi mengusahakan stesen minyak secara *babysit* perlu dikemukakan kepada Cawangan Petroleum dan Gas, KPDNHEP oleh syarikat minyak dengan melantik pengusaha yang berdekatan stesen minyak tersebut. Kriteria penilaian bagi permohonan *babysit* adalah seperti berikut:
- i) kesinambungan bekalan bahan petroleum di kawasan tersebut;
 - ii) jarak stesen minyak yang terdekat; dan
 - iii) tertakluk kepada kriteria tambahan yang ditetapkan oleh Kementerian.

4.0 TATACARA DAN MAKLUMAN AM

4.1. Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan baharu melalui atas talian di laman sesawang BLESS 2.0 (<https://bless2.bless.gov.my/bless2>) dan mengemukakan *hardcopy* dokumen-dokumen sokongan seperti senarai semak seperti butiran berikut:

- Manual tatacara permohonan BLESS 2.0 boleh didapati di pautan berikut:
<https://www.kpdnhep.gov.my/kpdnkk/wp-content/uploads/2017/12/BLESS-2.0-KPDNKK-PDA-R-2.pdf>
- Secara serahan tangan (di kaunter) atau melalui wakil syarikat pembekal minyak ke alamat berikut:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna
Bahagian Perdagangan Dalam Negeri,
Aras 4 (Podium 1),
No.13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 PUTRAJAYA**

- 4.2. Permohonan menerusi atas talian **TANPA PENGHANTARAN DOKUMEN HARDCOPY** secara serahan tangan (di kaunter) atau wakil syarikat pembekal minyak **TIDAK AKAN DIPROSES**.
- 4.3. Pemohon dinasihatkan untuk membuat salinan dokumen dan juga menyimpan dokumen tersebut bagi tujuan rekod.
- 4.4. Permohonan yang dikemukakan melebihi tempoh enam (6) bulan tanpa sebarang maklum balas daripada pemohon **DIANGGAP TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**. Pemohon perlu membuat

permohonan semula dan menghantar semula dokumen asal ke Kementerian.

- 4.5. Bagi permohonan pembaharuan, **kelewatan memperbaharui Kebenaran PDA melebihi satu (1) tahun** daripada tarikh tamat tempoh Kebenaran PDA menyebabkan Kebenaran PDA dengan sendirinya terbatal dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu.

5.0 TEMPOH KELULUSAN

Permohonan baharu dan pembaharuan (tanpa sebarang pindaan maklumat) akan diproses dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja di atas talian (sistem BLESS) tertakluk kepada **dokumen lengkap** yang diterima Kementerian.

6.0 FEE DAN KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran bagi **Kebenaran PDA** adalah **RM25.00** untuk satu (1) tahun manakala bagi **Lesen CSA** adalah **RM10.00** untuk satu (1) tahun menggunakan **kaedah pembayaran secara atas talian (online)** menggunakan portal Maybank2U.

7.0 PENYERAHAN KEBENARAN PDA

- 7.1. Bahagian ini akan mengeluarkan **pemakluman secara emel** kepada pemohon setelah Kebenaran PDA dan Lesen CSA sedia untuk diambil. **Pemakluman Licence Collection and Payment** di dalam sistem BLESS tidak boleh digunakan untuk membuat pembayaran dan pengambilan Kebenaran PDA dan Lesen CSA **di kaunter**.

7.2. Berikut merupakan kaedah pengambilan Kebenaran PDA dan Lesen CSA yang dibenarkan:

- **Serahan di kaunter**

i) Permohonan baharu

- Hanya pemilik atau pemegang saham syarikat dibenarkan untuk mengambil Kebenaran PDA dan Lesen CSA

ii) Permohonan pembaharuan

- Pemilik atau pemegang saham syarikat dibenarkan untuk mengambil Kebenaran PDA dan Lesen CSA
- Wakil syarikat perlu mengemukakan surat wakil (dokumen asal) beserta salinan kad pengenalan wakil untuk mengambil Kebenaran PDA dan Lesen CSA

- **Melalui wakil sah yang dilantik syarikat pembekal minyak.**

7.3. Kebenaran PDA dan Lesen CSA yang telah siap hendaklah dituntut oleh pemohon dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh pemakluman dibuat atau Kebenaran PDA boleh **dibatalkan kerana tidak dituntut**.

8.0 KEPERLUAN NAZIRAN

Kementerian berhak melaksanakan naziran ke atas syarikat pada bila-bila masa tertakluk kepada keperluan.

9.0 SENARAI SEMAK

- 9.1. Permohonan baharu Kebenaran PDA dan Lesen CSA bagi mengusahakan Stesen Minyak / Stesen Minyak Mini / *Portable Container Systems (PCS) / Skid Tank*:

BIL.	DOKUMEN
1	<p><u>Syarikat Sendirian Berhad</u> Cetakan penuh maklumat syarikat (SSM) yang terkini (tiga (3) bulan daripada tarikh permohonan).</p> <p><u>Milikan Tunggal/ Perkongsian</u></p> <p>1. Sabah Salinan Borang B beserta maklumat pemilik yang terkini – Pendaftaran Perniagaan</p> <p>2. Sarawak</p> <p>a) Salinan Borang 1 (Seksyen 5, 23, dan 24(2)) - Form 1 b) Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan terkini</p> <p><u>Koperasi/ Persatuan/ Pertubuhan</u> Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.</p>
2	<p>Surat sokongan syarikat pembekal yang ASAL & TERKINI (enam (6) bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha, KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) alamat stesen minyak adalah SAMA dengan alamat di Lesen PBT; b) menyatakan dengan jelas status pemilikan syarikat (CODO/ DODO); c) kuantiti simpanan yang diluluskan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); d) syor tempoh kelulusan Kebenaran PDA dan Lesen CSA; dan e) ditandatangani oleh penandatangan yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal.
3	Penyata akaun bank (<i>bank statement</i>) bagi satu (1) bulan TERKINI atas nama syarikat (<i>trade name</i>) dengan baki tidak kurang RM200,000 bagi stesen minyak/ RM50,000 bagi stesen Minyak Mini/ PCS/ <i>Skid Tank</i> .

4	Salinan Lesen Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan/ Surat Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah.
5	Bagi perniagaan milikan tunggal dan Sendirian Berhad yang dimiliki sepenuhnya (DODO): <ul style="list-style-type: none"> • salinan geran tanah / kebenaran di bawah Akta Penempatan Berkelompok (GSA 1960) atau surat perjanjian sewaan di atas nama pemilik perniagaan.
6	Surat sokongan ASAL daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
7	Kebenaran PDA dan lesen CSA yang asal / salinan pemilik stesen terdahulu (bagi ambil alih stesen minyak sahaja).
8	Gambar keseluruhan stesen (100% siap).
9	Surat sokongan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi permohonan mengusahakan <i>skid tank</i> .

Nota:

Bagi permohonan baharu Kebenaran PDA yang melibatkan pembangunan stesen minyak di lebuhraya di bawah seliaan mana-mana syarikat konsesi, pemohon hendaklah mengemukakan surat sokongan syarikat konsesi yang menyatakan tiada halangan bagi permohonan berkenaan.

9.2. Permohonan pembaharuan Kebenaran PDA dan Lesen CSA bagi mengusahakan Stesen Minyak / Stesen Minyak Mini / *Portable Container Systems* (PCS) / *Skid Tank*:

BIL.	DOKUMEN
1	Borang Permohonan Pembaharuan Kebenaran PDA 1 (PDA 1- RENEW 2020) yang lengkap diisi
2	Borang KPDN/PDA/CSA RUNCIT (V.2) yang dicetak daripada sistem BLESS
3	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
4	Salinan Lesen CSA

5	Cetakan TERKINI SSM (Semenanjung Malaysia) / Borang B – Pendaftaran Perniagaan (Sabah) / Form 1 – Cabutan Pendaftaran (Sarawak) / Salinan Sijil Pendaftar Koperasi/ Perakuan Pendaftar Persatuan/ Pertubuhan beserta butiran maklumat pemilik/ ahli Lembaga Pengarah.
6	<p>Surat sokongan syarikat pembekal yang ASAL & TERKINI (enam (6) bulan daripada tarikh surat sokongan dikeluarkan) yang dialamatkan kepada Ketua Setiausaha, KPDNHEP. Surat sokongan tersebut perlu menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) alamat stesen minyak adalah SAMA dengan alamat di Lesen PBT; b) menyatakan dengan jelas status pemilikan syarikat (CODO/ DODO); c) kuantiti simpanan yang diluluskan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); d) syor tempoh kelulusan Kebenaran PDA dan Lesen CSA; dan e) ditandatangani oleh penandatangan yang SAH (<i>authorized signature</i>) syarikat pembekal.
7	Penyata Untung Rugi tahunan syarikat untuk dua (2) tahun terkini berturut-turut: <ul style="list-style-type: none"> a) Milikan Tunggal / Perkongsian: telah diaku terima oleh Pesuruhjaya Sumpah atau telah diaudit oleh Akauntan bertauliah; b) Sendirian Berhad: yang diaudit oleh Akauntan bertauliah (MIA/ACCA/CA/CPA/CIMA).
8	Penyata akaun bank (<i>bank statement</i>) bagi dua (2) bulan TERKINI atas nama syarikat (<i>trade name</i>)
9	Lesen Perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terkini di bawah kawasan seliaan PBT berkenaan.

9.3. Permohonan Mengusahakan Stesen Minyak/ Stesen Minyak Mini secara *Babysit* (tidak melalui BLESS 2.0):

BIL.	DOKUMEN
1.	Surat permohonan rasmi daripada syarikat pembekal minyak
2.	Salinan Kebenaran PDA dan lampiran pemegang saham yang dikeluarkan bersama Kebenaran PDA
3.	Salinan Lesen CSA
4.	Lampiran yang menyatakan maklumat berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) menyatakan jarak stesen minyak yang terdekat; b) maklumat kuantiti (<i>volume</i>) jualan stesen tersebut bagi semua produk (tiga (3) bulan yang terkini); c) maklumat lengkap pengusaha yang terdekat yang akan mengusahakan stesen minyak tersebut; d) maklumat pengusaha yang akan dilantik (jika ada); dan e) sebarang dokumen sokongan yang difikirkan perlu.

10.0 SYARAT-SYARAT KEBENARAN PDA

- 10.1. Kebenaran PDA ini tidak boleh dipindah milik tanpa kebenaran daripada KPDNHEP;
- 10.2. Kebenaran PDA ini hendaklah dipamerkan dengan jelas di premis perniagaan yang telah diluluskan;
- 10.3. pemegang Kebenaran PDA ini perlu mendapatkan kelulusan KPDNHEP sebelum membuat sebarang pindaan mana-mana bahagian atau melakukan sebarang perubahan di dalam struktur syarikat sama ada dari segi ekuiti, lembaga pengarah, hak milik, syarikat pembekal, dan sebagainya;
- 10.4. pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan permohonan pembaharuan kebenaran PDA, tiga (3) bulan sebelum tarikh tempoh tamat;
- 10.5. pemegang Kebenaran PDA ini diwajibkan mematuhi semua syarat Kebenaran PDA yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh KPDNHEP dan mematuhi mana-mana undang-undang di Malaysia dan tidak menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang itu;
- 10.6. pemegang Kebenaran PDA ini perlu mengemukakan dengan lengkap dan tepat apa-apa maklumat penjelasan yang diminta oleh KPDNHEP;
- 10.7. Kebenaran PDA ini akan dibatalkan apabila ada pelanggaran mana-mana syarat-syarat di atas atau peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 atau mana-mana perundangan

kecil dibawahnya atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia;

- 10.8. pemegang Kebenaran PDA ini tidak akan mengambil apa-apa tindakan undang-undang atau menuntut ganti rugi dari mana-mana pihak sekiranya Kebenaran PDA tidak diperbaharui atau dilanjutkan atas sebab-sebab kecuaian dan kegagalan pemegang Kebenaran sendiri;
- 10.9. pemegang Kebenaran PDA ini wajib mendapat kelulusan KPDNHEP sebelum membuat sebarang promosi berkaitan harga di stesen seperti alamat yang tertera di dalam Kebenaran PDA ini; dan
- 10.10. pemegang Kebenaran PDA ini wajib melaksanakan promosi berkaitan harga atau barang, yang telah mendapat kelulusan dari KPDNHEP mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

11.0 CARTA ALIR

